

TARIKH : 30 DISEMBER 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

Pertumbuhan dijangka perlahan

Pertumbuhan dijangka perlahan

PETALING JAYA – Ekonomi Malaysia diramalkan bakal terus berkembang namun pada kadar sederhana pada tahun 2023, disokong oleh permintaan domestik dalam ketidaktentuan ekonomi global, menurut Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia yang diterbitkan Jabatan Perangkaan semalam.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, pertumbuhan yang diunjurkan bagi rantau Asia telah disemak semula daripada 4.3 peratus kepada 4.2 peratus pada 2022 dan daripada 4.9 peratus kepada 4.6 peratus pada 2023 berdasarkan Asian Development Outlook Supplement bulan Disember 2022.

Jelasnya, ia berikutan sekatan pergerakan yang dilaksanakan semula di China, pencerobohan Russia ke atas Ukraine dan pertumbuhan ekonomi global yang perlahan.

"Di Malaysia, Indeks Pelopor (IP) telah meningkat sebanyak 0.4 peratus kepada 109.6 mata pada Oktober 2022 berbanding



EKONOMI Malaysia dijangka mula menyederhana dalam tempoh beberapa bulan akan datang berikutan ketidaksabilan ekonomi global. – GAMBAR HIASAN

109.2 mata pada Oktober tahun lalu. Melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada Ok-

tober 2022, IP mula mencatatkan arah aliran di bawah trend 100 mata.

"Sehubungan itu, ekonomi Malaysia dijangka mula menyederhana berikutan kesan ketidak-

stabilan ekonomi global dalam beberapa bulan ke hadapan pada 2023," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Mohd. Uzir berkata, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam laporan Unjuran Ekonomi Dunia bulan Oktober 2022 turut meramalkan bahawa ekonomi global akan berkembang meskipun pada kadar lebih perlahan sebanyak 2.7 peratus pada 2023.

"Ekonomi negara maju dijangka berkembang sebanyak 1.1 peratus, lebih rendah daripada 2.4 peratus pada 2022 manakala ekonomi negara membangun dan berkembang di Asia diunjurkan meningkat sebanyak 4.9 peratus pada 2023, lebih baik daripada 4.4 peratus pada 2022.

"Pada masa sama, Tinjauan Ekonomi 2023 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan mengunjurkan pertumbuhan ekonomi Malaysia menyederhana antara empat peratus dan lima peratus pada 2023, sejajar dengan ramalan global IMF," katanya.